

TEKS UCAPAN
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UniMAP
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
STESEN PENYELIDIKAN AGROTEKNOLOGI UNIMAP
DI SUNGEI CHUCHUH, PADANG BESAR
PADA 13 MEI 2009.

*(**Salutation** – Mohon Bahagian Media kemaskan ini)*

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

Mengadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Tuanku raja Perlis dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Fauziah Binti Al-Marhum Tengku Abdul Rashid, Tuanku Raja Perempuan Perlis.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja Universiti Malaysia Perlis ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan Duli Tuanku bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Stesen Penyelidikan Agroteknologi UniMAP di Sg Chuchuh, Padang Besar pada pagi ini.

Ampun tuanku,

Patik juga ingin merafak sembah, menjunjung penuh kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Perlis, Tuanku Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibnu Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail.

Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada pagi ini memberi seribu kemeriahan kepada kami warga UniMAP.

Terlebih dahulu bagi pihak Pengurusan Tinggi UniMAP dan warga UniMAP patik ingin merakamkan sembah junjungan tahniah di atas ulang tahun Keputeraan DYMM Tuanku Raja Perlis ke - 66 yang akan kunjung tiba.

Ampun Tuanku, sembah Patik Mohon Diampun,

Patik mohon untuk menyampaikan ucapan kepada hadirin sekalin.

Ampun Tuanku,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Y.Bhg Datin Seri,

Y.Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Y.Bhg. Prof Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Dif-dif kehormat, wakil-wakil media, para pelajar dan seterusnya para hadirin yang dirahmati Allah sekalian.

Marilah sama-sama kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahuwataala kerana dengan limpah rahmatnya dapatlah kita semua berada di majlis yang berbahagia ini.

Stesen ini merupakan sebahagian daripada kampus ke-2 UniMAP dengan jumlah keluasan 250 ekar. Kampus ini boleh dijenamakan sebagai Kampus Sungei Chuchuh UniMAP di samping kampus induk di kawasan Pauh yang masih dalam pembangunan. Stesen ini akan diuruskan sebagai sebuah

pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk kegunaan staf akademik dan pelajar-pelajar UniMAP disamping sebagai pendidikan dan latihan siswa siswi dalam bidang Agroteknologi di bawah program Pusat Pengajian Kejuruteraan Biosistem.

Kita sedia maklum bahawa UniMAP ditubuhkan sejak 7 tahun dahulu sebagai satu institusi pengajian tinggi awam berteraskan pengajian kejuruteraan. Memandangkan pertanian adalah satu sektor yang penting dalam negeri Perlis, UniMAP telah mengorak langkah untuk turut terlibat dengan lebih aktif memajukan sektor pertanian. Dalam perkembangan ini UniMAP akan menggabungkan aspek-aspek kejuruteraan yang bersesuaian untuk membawa perubahan yang nyata dalam aktiviti-aktiviti berkaitan sektor pertanian.

Sejajar dengan perkembangan era ICT yang begitu pesat, saya yakin UniMAP dapat menyumbang ke arah memperkasakan kumpulan petani di negeri Perlis menyusur hala tuju memodenkan sektor pertanian. Kepakaran UniMAP dalam bidang kejuruteraan akan digembelengkan untuk memajukan sektor pertanian khususnya di negeri Perlis.

Walaupun alam semula jadi yang dianugerahkan Allah di Perlis telah memberi kemampuan untuk banyak rakyat bertani dengan jayanya, saya percaya masih ada ruang untuk kita memajukan sektor pertanian dengan suntikan pengetahuan dan teknologi terkini yang dapat dimantapkan dengan teknologi kejuruteraan terkini sebagai satu pendekatan melonjak sektor pertanian ke suatu tahap yang lebih menyerlah.

Dalam hal ini UniMAP dapat memberi sumbangan yang besar melalui kepakaran yang sedia ada disamping mendidik dan melatih pelajar-pelajar generasi baru yang akan terus memartabatkan sektor pertanian khususnya di Perlis.

Untuk membawa arus perubahan ke dalam bidang apa pun, aktiviti R&D (penyelidikan dan pembangunan) amat diperlukan untuk membuat kajian dan menghasilkan inovasi dan produk baru. Terutamanya dalam bidang pertanian kita memerlukan suatu kawasan tanah untuk menjalankan aktiviti R&D.

Kawasan seluas 250 ekar telah dikenalpasti di Sungei Chuchuh, Padang Besar dan diambil alih oleh UniMAP untuk dibangunkan stesen penyelidikan Agroteknologi. Sampai kini sempena majlis perasmian hanya 16 ekar sempat dibuka walaupun keseluruhan kawasan seluas 250 ekar sudah pun selesai dipagarkan.

Stesen R&D ini akan diurus berkonsepkan integrasi pendidikan dan latihan disiplin pertanian dengan sokongan beberapa kelompok disiplin kejuruteraan yang telah pun wujud dalam UniMAP. Sejak tertubuhnya KUKUM pada 2002 dan disusuri dengan penubuhan UniMAP pada 2004, kini UniMAP mempunyai kekuatan dalam pelbagai disiplin kejuruteraan.

Kita telah mengenalpasti sejumlah tujuh kluster atau kelompok disiplin kejuruteraan yang dapat dimanfaatkan dengan baik untuk memajukan sektor pertanian. Melalui penggabungan pertanian dan kejuruteraan, saya percaya UniMAP dapat melaksanakan pembaharuan ke arah pertanian yang mampan (sustainable agriculture) dan seterusnya mempelopori pertanian kreatif (creative agriculture) sebagai hala tuju yang baru.

Stesen ini akan menyediakan persekitaran (environment) yang selesa dan realistik untuk kajian R&D bidang pertanian. Salah satu strategi adalah untuk memperkembangkan penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi di kalangan petani untuk meningkatkan produktiviti disamping menjimatkan kos tenaga buruh.

UniMAP akan berusaha untuk menghimpunkan semua pakar pertanian dan kejuruteraan untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran terus ke lapangan kepada para petani serta membantu agensi setempat dalam sektor pertanian menerusi diagnosis masalah secara bersama. Justeru itu saya mengharapkan kerjasama daripada Jabatan-Jabatan dan agensi Kerajaan untuk memajukan program-program berkaitan pertanian yang akan kita laksanakan di stesen ini di masa hadapan.

Kajian R&D akan disasarkan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi petani dalam pelbagai aktiviti pertanian dan mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dikenalpasti. Disamping itu, kajian untuk memodenkan sektor pertanian akan dilaksanakan untuk memperbaiki taraf sosio-ekonomi masyarakat tani.

Kegiatan dan produk pertanian yang berpotensi untuk ditambah nilai (value add) akan diberi tumpuan supaya negeri Perlis dapat berdaya saing dengan pengeluar-pengeluar hasil pertanian negeri-negeri lain. Berlandaskan kajian R&D yang mantap, saya percaya banyak produk pertanian negeri ini sama ada dalam keadaan segar atau pun diproses dan ditambah nilai dapat di terima oleh pasaraya-pasaraya tempatan atau dipasarkan di peringkat nasional dan global sebagai satu produk yang imejnya sinonim dengan negeri Perlis. Itulah salah satu matlamat diwujudkan stesen ini sebagai satu hub penyelidikan yang dapat memperkasakan sektor pertanian dengan suntikan teknologi kejuruteraan yang bersesuaian.

Negeri Perlis, dengan kedudukannya di tengah-tengah kawasan pembangunan segi tiga utara (IMT-GT), mempunyai potensi yang cukup tinggi sebagai kawasan pembangunan baru. Stesen ini juga, dari segi logistiknya, dapat menarik kerjasama antara salah satu institusi pendidikan tinggi awam negara dengan institusi-institusi negara jiran Thailand melalui perkongsian pengetahuan dan latihan dalam aspek agroteknologi yang melibatkan pertukaran pelajar dan staf akademik, bengkel, seminar dan lain-lain.

Stesen ini juga berperanan untuk menggalakan pembangunan industri hiliran kecil dan sederhana, terutamanya di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, yang dapat meningkatkan nilai ditambah dan produktiviti yang tinggi kepada hasil dan bahan keluaran tempatan bagi memperkasakan daya saing negeri di peringkat global serta berusaha mencari pasaran bagi produk-produk tersebut. Kerjasama sedemikian ada kebaikannya di era globalisasi kini.

Kampus Sungei Chuchuh ini juga akan dibangunkan dengan mengambilkira penambahan penduduk dalam dan luar negara yang sentiasa dahagakan pusat-pusat rekreasi yang berkonsep baru yang kreatif dan inovatif. Ini adalah langkah untuk menyokong kemajuan sektor pelancongan dan saya yakin negeri Perlis dapat maju ke hadapan dengan memperkenalkan konsep agro-pelancongan yang baru.

Stesen ini akan merupakan ladang pertanian rekreasi pertama yang menggabungkan R&D dan pertanian moden. Penekanan kepada penggunaan kejuruteraan berteknologi tinggi dan kaedah agronomi yang terbaik dalam pembangunan akan dipamerkan. Beberapa koridor akan diwujudkan seperti koridor buah-buahan, koridor ulam-ulaman dan sayuran,

koridor herba, kawasan ternakan dan kawasan akuakultur. Hasil R&D berasaskan sumber-sumber tempatan seperti mangga Harumanis, tanaman anggur dan herba akan digunapakai untuk menggalakkan kepelbagaian serta pengkomersialan produk-produk tempatan.

Negeri Perlis memang Permai lagi Mempesona dan kita tidak jauh dari stesen ini terletak Tasik Timah Tasoh. Tasik ini dengan pemandangan yang indah dapat dimanfaatkan juga sebagai satu pusat R&D ternakan ikan air tawar oleh UniMAP dengan usahasama agensi kerajaan lain sebagai satu pendekatan mempromosi aktiviti akuakultur ke arah tambah nilai industri pelancongan negeri Perlis.

UniMAP akan merangka strategi yang dinamik selaras dengan keupayaan dan kebolehan staf akademik dan pelajar untuk mencetuskan daya kreativiti dan inovasi untuk melonjak peranan stesen Agroteknologi ini memajukan rangkaian pertanian dan kejuruteraan di Perlis. UniMAP juga akan menjalinkan kerjasama rapat dengan badan-badan korporat dan institusi profesional untuk memastikan bahawa pembelajaran yang disampaikan melalui program agroteknologi yang ditawarkan sentiasa berkait dan relevan dengan suasana profesional semasa.

Ampun Tuanku,

Sekian sahaja sembah ucapan patik. Akhir kata patik mewakili seluruh warga UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga sekali lagi ke bawah Duli-Duli tuanku kerana sudi mencemar duli berangkat ke majlis ini.

Patik juga merakamkan penghargaan kepada semua tetamu yang turut memeriahkan majlis ini dan terima kasih kepada semua pihak yang membantu membuat persiapan untuk menjayakan majlis ini.

Sekian, Wabillah Hitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum wbt.